



MODUL PINTAS
TINGKATAN 5
BAHASA MELAYU
Kertas 1

1103/1

2 jam

Dua jam

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU K1
1103/1

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 Markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p>26 – 30</p> <p>(28 – 30)</p> <p>(26 – 27)</p>	<p>Tema/ Tugas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. • Huraian jelas dan matang. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata dan luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai. <p>*Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</p>
Kepujian	<p>20 – 25</p> <p>(23 – 25)</p> <p>(20 – 22)</p>	<p>Tema/ Tugas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. • Huraian jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata dan luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.

		<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan	<p>15 – 19</p> <p>(17 – 19)</p> <p>(15 – 16)</p>	<p><u>Tema/ Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/ tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugasan. • Huraian masih jelas. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata dan masih luas/ terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	<p>10 – 14</p> <p>(12 – 14)</p> <p>(10 – 11)</p>	<p><u>Tema/ Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugasan. • Huraian kurang jelas. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi.

		<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang menarik. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	<p>1 – 9</p> <p>(6 – 9)</p> <p>(1 – 5)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka (70 Markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p>64 – 70</p> <p>(68 – 70)</p> <p>(64 – 67)</p>	<p><u>Tugas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai.

		<ul style="list-style-type: none"> • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.
Kepujian	<p>55 – 63</p> <p>(59 – 63)</p> <p>(55 – 58)</p>	<p><u>Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugasan. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.
Baik	<p>45 – 54</p> <p>(50 – 54)</p> <p>(45 – 49)</p>	<p><u>Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menjawab tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca yang masih betul.

		<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	<p>35 – 44</p> <p>(40 – 44)</p> <p>(35 – 39)</p>	<p><u>Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih/ kurang menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca yang betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih/ kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan minimum	<p>21 – 34</p> <p>(28 – 34)</p> <p>(21 – 27)</p>	<p><u>Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas/bercampur aduk. • Huraian tidak jelas/tidak berkembang.

		<ul style="list-style-type: none"> • Contoh tidak sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai/ tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	<p>1 – 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(1 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. • Idea tidak relevan/bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.

**PERATURAN PEMARKAHAN
KERTAS 1: SET 2**

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 Markah)

*Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan bangunan warisan di Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan warisan**. Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

1. Kehendak/ tugas soal:

- i. Calon perlu menghuraikan **kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan warisan** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti berikut,
 - memperingati seseorang atau peristiwa penting
 - memacu industri pelancongan
 - menyuntik semangat patriotisme
 - menyentuh semua gambar dalam bahan yang diberikan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan warisan**, diterima dan diperiksa seperti biasa.
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan, maksimum peringkat KEPUJIAN.
- v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir, maksimum peringkat KEPUJIAN.
- vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan, maksimum peringkat MEMUASKAN.
- vii. Format - tiada.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka (70 Markah)

Soalan 1:

Pantun Pelancongan

Pergi berkelah di negeri Kelantan,
Tempat beristirahat seluruh warga;
Cuti sekolah ambil kesempatan,
Bercuti rehat bersama keluarga.

Tempat beristirahat seluruh warga,
Di panas terik sinaran mentari;
Bercuti rehat bersama keluarga,
Tempat menarik dalam negeri.

Di panas terik sinaran mentari,
Asyik bersantai di teduhan dahan;
Tempat menarik dalam negeri,
Pulau dan pantai jadi pilihan.

Asyik bersantai di teduhan dahan,
Rantingnya sudah dihinggap kedidi;
Pulau dan pantai jadi pilihan,
Nikmati indah alam semula jadi.

Sumber: *Internet*

Pantun di atas berkaitan industri pelancongan di Malaysia. Huraikan kelebihan-kelebihan negara kita sebagai tempat tarikan pelancong.

1. Kehendak/ tugas soalannya:

- i. Calon perlu menghuraikan **kelebihan-kelebihan negara kita sebagai tarikan pelancongan** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti berikut,
 - tempat-tempat menarik untuk bercuti bersama dengan keluarga
 - mempunyai pulau dan pantai yang menjadi pilihan
 - tempat dan pemandangan alam semula jadi yang indah
- iii. Calon perlu menyentuh maklumat dalam bahan yang diberikan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kelebihan-kelebihan negara kita sebagai tarikan pelancongan**, diterima dan diperiksa seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan, maksimum peringkat MEMUASKAN.
- vi. Format - Tiada.

Soalan 2:

“Badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta perlu memainkan peranan penting dalam usaha menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat ketika fasiliti kesihatan kerajaan kini menumpukan usaha memerangi COVID-19. Bagi membantu usaha ini, ibu bapa juga perlu mendorong ahli keluarga mengamalkan gaya hidup sihat secara berterusan. Apabila negara melangkah ke fasa endemik nanti, individu dan masyarakat dapat menerapkan amalan gaya hidup sihat ini dalam kehidupan seharian mereka walaupun dalam normal yang baharu”.

Sumber: Dipetik daripada ucapan
Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar
Sinar Harian Online, 3 Oktober 2021

Kandungan ucapan di atas menjelaskan bahawa usaha pelbagai pihak dalam menggalakkan amalan gaya hidup sihat amat diperlukan.

Sebagai respon terhadap ucapan tersebut, tuliskan sebuah syarahan bertajuk ‘Usaha-usaha Mengamalkan Gaya Hidup Sihat’ sempena sambutan Hari Sukan Negara yang diadakan di sekolah anda.

1. Kehendak/ tugas soalannya:

- i. Calon perlu menghuraikan ‘**Usaha-usaha Mengamalkan Gaya Hidup Sihat**’ sempena sambutan Hari Sukan Negara yang diadakan di sekolah dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti berikut,
 - Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta memainkan peranan penting dalam usaha menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat
 - ibu bapa mendorong ahli keluarga untuk mengamalkan gaya hidup sihat
 - individu dan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat
- iii. Calon perlu menyentuh maklumat dalam bahan yang diberikan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan ‘**Usaha-usaha Amalan Gaya Hidup Sihat**’ sempena sambutan Hari Sukan Negara yang diadakan di sekolah anda, diterima dan diperiksa seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan, maksimum peringkat MEMUASKAN.
- vi. Calon dikehendaki menjawab dalam bentuk format syarahan.
 - Kata alu-aluan / ucapan alu-aluan
 - Kata penghadapan
 - Kata penutup

Soalan 3 :

Belakangan ini, terdapat banyak laporan mengenai masalah tekanan perasaan dalam kalangan murid susulan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Ada yang melihatnya sebagai hal remeh namun sebenarnya masalah tekanan perasaan ialah persoalan serius. Berdasarkan data dan analisis, tekanan perasaan itu wujud dan perlu diberi perhatian. Namun demikian, masalah ini boleh ditangani dengan rawatan pakar dan boleh diurus dengan panduan yang betul daripada pakar psikologi selain menerusi terapi yang diberikan secara profesional.

Sumber: *Berita Harian Online*
9 Ogos 2021

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan cara-cara menangani tekanan perasaan dalam kalangan murid.

1. Kehendak/ tugas soalannya:

- i. Calon perlu menghuraikan **cara-cara menangani tekanan perasaan dalam kalangan murid** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti berikut,
 - rawatan pakar
 - panduan yang betul daripada pakar psikologi
 - terapi secara profesional
- iii. Calon perlu menyentuh maklumat dalam bahan yang diberikan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **cara-cara menangani tekanan perasaan dalam kalangan murid**, diterima dan diperiksa seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan, maksimum peringkat MEMUASKAN.
- vi. Format - Tiada.

Soalan 4 :

Fungsi bahasa bukan sahaja sebagai alat untuk berkomunikasi, tetapi juga mempunyai kepentingan yang pelbagai, lebih-lebih lagi apabila seseorang itu dapat menguasai lebih daripada satu bahasa. Penguasaan pelbagai bahasa menjadi kunci untuk membuka ilmu-ilmu yang lain pula seperti kejuruteraan, kedoktoran, penterjemahan dan sebagainya. Dalam konteks di Malaysia, bahasa yang perlu dikuasai oleh rakyat merangkumi bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa ibunda masing-masing. Dalam konteks pendidikan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP), bahasa Jerman, Jepun, Cina dan Arab ditawarkan sebagai bahasa antarabangsa. Kemahiran menguasai bahasa asing ini dapat memberi nilai tambah kepada murid untuk bersaing dalam pasaran kerja.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Koleksi Rencana Umum, Jilid 3 oleh Hj. Samat Buang.

Generasi muda perlu menguasai pelbagai bahasa asing untuk mengasah kemahiran berkomunikasi terutama di peringkat antarabangsa.

Bincangkan kepentingan-kepentingan menguasai bahasa asing.

1. Kehendak/ tugas soalan:

- i. Calon perlu menghuraikan **kepentingan-kepentingan menguasai bahasa asing** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
- vii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti berikut,
 - alat untuk berkomunikasi
 - kunci membuka ilmu-ilmu lain
 - nilai tambah kepada murid untuk bersaing dalam pasaran kerja
 - perlu menyentuh bahasa yang perlu dikuasai
- viii. Calon perlu menyentuh maklumat dalam bahan yang diberikan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- viii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kepentingan-kepentingan menguasai bahasa asing**, diterima dan diperiksa seperti biasa.
- ix. Jika calon tidak menyentuh semua bahan, maksimum peringkat MEMUASKAN.
- x. Format - Tiada.

NOTA:

1. Jika calon menulis karangan melebihi **500 patah perkataan sehingga 510 patah perkataan** – karangan diperiksa seperti biasa.
2. Jika bilangan perkataan **339 dan ke bawah -maksimum peringkat BAIK.**
3. Jika bilangan perkataan **511 dan ke atas - maksimum peringkat KEPUJIAN.**
4. **Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM.**